



Semua Pegawai Pengawal,
Jabatan / Agensi / Badan Berkanun Negeri,
PULAU PINANG.

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI
BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN
CADANGAN BAJET TAHUN 2023**

Tujuan

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pegawai Pengawal di Jabatan/Agenzi Negeri Pulau Pinang dalam penyediaan cadangan Bajet bagi tahun 2023 yang meliputi Anggaran Perbelanjaan Mengurus, Pembangunan dan Hasil bagi jabatan/agensi masing-masing.

Transformasi Tadbir Urus

2. Dalam menyediakan cadangan bajet bagi tahun 2023, adalah penting bagi semua Pegawai Pengawal untuk memberi keutamaan kepada keperluan dasar-dasar dan strategi Kerajaan Negeri. Ini adalah penting supaya setiap ringgit yang dibelanjakan akan berupaya memberikan impak sebagaimana yang disasarkan. Justeru, untuk meneruskan pertumbuhan ekonomi negeri, penekanan Kerajaan Negeri adalah kepada mempertingkatkan kecekapan tadbir urus perkhidmatan awam yang sesungguhnya berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan dengan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu dengan cekap dan juga sebagai pemudahcara kepada awam dan

sektor swasta. Untuk itu, ekonomi Negeri Pulau Pinang boleh dilonjakkan dengan gandingan dan kerjasama semua pihak.

Bajet Berteraskan Hasil (*Outcome-Based Budgeting*)

3. Berpaksikan kepada tadbir urus yang cekap dan berintegriti, maka prinsip belanjawan berteraskan hasil (*outcome based budgeting*) akan diteruskan dan menjadi asas kepada penyediaan bajet 2023. Pegawai Pengawal hendaklah merangka program/aktiviti/projek mengikut fungsi jabatan masing-masing dengan berlandaskan kepada dasar-dasar dan strategi Kerajaan Negeri serta memberikan keutamaan kepada keberhasilan atau *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah disasarkan di mana matlamat utama hendaklah menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Penyediaan bajet ini perlu selaras dengan visi Kerajaan Negeri iaitu Penang2030: Negeri Pintar Hijau dan Berteraskan Keluarga yang Menginspirasikan Negara (*Penang2030: A Family Focused Green and Smart State to Inspire the Nation*).
4. Dalam penyediaan cadangan bajet ini juga, Pegawai Pengawal perlu menyediakan bajet mengurus dan pembangunan bagi program/aktiviti di jabatan masing-masing dengan menggunakan pendekatan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* selaras dengan Dasar Keterangkuman Gender yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Maklumat mengenai perbelanjaan dan *outcome/impak* sesuatu program/aktiviti mengikut pecahan jantina akan dapat membantu mengetengahkan isu-isu gender serta membantu jabatan mengenalpasti dan merancang program/aktiviti jabatan mengikut keperluan semua kategori rakyat secara amnya. Dalam masa yang sama, perhatian khusus hendaklah diberikan supaya tidak berlaku pertindihan kepada kumpulan sasar yang akan menikmati hasil daripada perancangan bajet 2023 ini.

Batas Perbelanjaan Bajet Mengurus

5. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya cadangan anggaran perbelanjaan 2023 tidak melebihi batas perbelanjaan yang ditetapkan. Jabatan Kewangan Negeri akan memaklumkan batas perbelanjaan kepada setiap Jabatan pada bulan Mac 2022 bagi Dasar Sedia Ada.

6. Pengagihan batas perbelanjaan kepada **Objek Am 10000 Emolumen** dan **Objek Am 20000 Perkhidmatan dan Bekalan** yang akan diberi adalah berdasarkan keperluan sebenar serta keupayaan membelanjakan peruntukan oleh setiap Jabatan/Agensi.

Cadangan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2023

7. Dalam memastikan tidak berlaku pembaziran, kesemua cadangan mestilah berupaya memberikan nilai optima bagi setiap ringgit yang dibelanjakan (*optimal value for money*). Justeru, dalam menyediakan cadangan perbelanjaan mengurus, Pegawai Pengawal hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:-

- i. Menetapkan dan menyusun program-program/aktiviti-aktiviti jabatan mengikut keutamaan yang berteraskan *outcome based* dan *cost effective*;
- ii. Program atau aktiviti yang tidak lagi relevan atau bertindih dari segi fungsi atau kumpulan sasar perlu ditamatkan;
- iii. Memperuntukkan jumlah yang mencukupi bagi perbelanjaan wajib dan komited seperti Emolumen, Sewaan, Perhubungan dan Utiliti, Penyenggaraan dan Perkhidmatan yang

dilaksanakan secara kontrak. Permohonan bagi peruntukan Emolumen hendaklah mengambil kira kemampuan pengisian jawatan kosong sedia ada dan kesesuaian samada penempatan diperlukan atau sebaliknya. Ini adalah bagi mengelakkan peruntukan yang berlebihan dipohon untuk **Objek Am 10000**;

- iv. Kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan kelulusan peruntukan dari Jabatan Kewangan Negeri hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah **Objek Sebagai 29000**. Permohonan perkhidmatan adalah bagi melaksanakan sesuatu tugas dalam jangka masa pendek serta penggunaan kepakaran yang tidak boleh diperolehi di peringkat jabatan;
- v. Memastikan cadangan perolehan aset baharu dihadkan kepada penggantian kenderaan yang telah dan boleh dilupuskan atau keperluan asas jabatan yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan di samping mengambil kira keupayaan kewangan jangka panjang untuk penyelenggaraan aset berkenaan;
- vi. Memastikan pematuhan kepada langkah-langkah dan pengawalan perbelanjaan seperti ketetapan di dalam **Pekeliling Perpendaharaan dan Surat Pekeliling Kewangan Negeri** yang berkuatkuasa; dan
- vii. Memberi perhatian kepada teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara berkenaan kelemahan pengurusan kewangan dan kelemahan dalam melaksanakan aktiviti jabatan serta syor-syor oleh Jawatankuasa Kira-kira Awam Negeri.

Perjanjian Program

8. Penyediaan cadangan Perbelanjaan Mengurus hendaklah dikemukakan bersama dengan **Perjanjian Program** yang menekankan pencapaian *output* dan *outcome* Jabatan/Agensi. Penyediaan Perjanjian Program dan Prestasi hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

- i. Ringkasan Eksekutif Anggaran Perbelanjaan Tahunan jabatan (**ABM 1**);
- ii. Perjanjian Program (**ABM 2**) yang terdiri daripada objektif, analisa keperluan pelanggan, fungsi dan pelan penilaian program jabatan;
- iii. Ringkasan kedudukan anggota jabatan berbanding perjawatan pada 1 Januari tahun semasa (**ABM 3**);
- iv. Ringkasan Cadangan 'One Off' / Dasar Baharu (**ABM 4 dan 5**);
- v. Cadangan Penjimatan (**ABM 6**); dan
- vi. Ringkasan Perbelanjaan Mengurus mengikut Objek Sebagai (**ABM 7**).

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan **tiada percanggahan maklumat** di antara data yang dimasukkan ke dalam sistem iSPEKS dengan data yang direkodkan dalam Perjanjian Program.

9. Penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan Tahun 2023 perlu mengikut garis panduan yang dinyatakan serta mengikut format yang disediakan dalam sistem iSPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran A**.

Cadangan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023

10. Cadangan projek pembangunan hendaklah berfokuskan kepada faedah projek yang dapat menjamin kesejahteraan rakyat dan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Kerajaan Negeri akan terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek infrastruktur baharu atau kerja-kerja penyelenggaraan yang dapat memberi keselesaan dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat awam.

11. Bagi projek baharu yang dicadangkan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan *brief* projek yang terperinci serta jadual keperluan aliran tunai sehingga projek siap disediakan. Anggaran kos projek hendaklah dibuat berdasarkan nilai pasaran semasa dengan mengambil kira faktor peningkatan/penurunan harga bahan-bahan binaan, kos buruh dan faktor-faktor lain bagi mengelakkan *over budget* atau *under budget*, agar anggaran perbelanjaan pembangunan yang tepat dapat disediakan. Bagi projek fizikal yang dicadangkan, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan tapak yang bersesuaian telah tersedia.

12. Semua cadangan projek pembangunan hendaklah mempunyai justifikasi pelaksanaannya dan telah mendapat kelulusan daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi portfolio yang berkaitan. Carta aliran kerja bagi penyediaan bajet pembangunan tahun 2023 adalah seperti di **Lampiran B1**.

13. Bagi cadangan projek fizikal, jabatan teknikal hendaklah dirujuk terlebih dahulu agar dapat ditentukan keupayaan pelaksanaan projek dan keperluan aliran tunai projek mengikut jadual bagi memastikan peruntukan pembangunan yang disediakan adalah mencukupi dan tidak berlaku *shortfall* atau lebihan. Dalam memastikan projek yang telah dirancang dilaksanakan

mengikut jadual, kedua-dua Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal adalah sama-sama bertanggungjawab.

14. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan senarai projek dan ringkasan keperluan projek serta siling peruntukan bagi menyiapkan projek dirujuk terlebih dahulu kepada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) yang bertanggungjawab menyelaras dan memperakarkan cadangan permohonan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri. Keutamaan hendaklah diberikan kepada projek-projek sambungan.

15. Adalah menjadi tanggungjawab bersama Pegawai Pengawal dan jabatan teknikal untuk menyediakan keperluan aliran tunai bagi setiap projek sambungan sehingga projek siap. Sekiranya peruntukan untuk projek sambungan tidak dimohon dan tidak disediakan, maka Pegawai Pengawal hendaklah mengkaji semula projek yang masih belum dimulakan serta menyusun semula projek mengikut keutamaan supaya peruntukan pembangunan yang disediakan dapat diagihkan kepada projek sambungan yang memerlukan. Penyelarasaran semula keutamaan projek melalui Notis Perubahan ataupun pindahan peruntukan hendaklah mendapat kelulusan BPEN dan Jabatan Kewangan Negeri.

16. Perhatian yang serius sewajarnya diberi oleh jabatan-jabatan teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terhadap perancangan projek-projek pembangunan bagi tahun 2023 agar selaras dengan dasar dan kehendak semasa Kerajaan Negeri. BPEN selaku Pengerusi Mesyuarat Penyelarasaran Projek-projek Pembangunan Negeri akan meneruskan peranannya dalam menyelaras pelaksanaan, pemantauan dan penilaian prestasi projek-projek pembangunan Negeri.

17. Cadangan perbelanjaan pembangunan hendaklah mengikut format yang disediakan dalam sistem iSPEKS seperti di **Lampiran B**.

Anggaran Hasil Tahun 2023

18. Pengawai Pengawal hendaklah menyemak dan bertanggungjawab bagi memastikan kemasukan data mengikut kod hasil adalah munasabah. Anggaran hasil yang disediakan hendaklah mengandungi perkiraan terperinci serta penjelasan kepada jangkaan peningkatan atau pengurangan berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu bagi anggaran hasil tahun 2023 berbanding anggaran tahun 2022. Penyediaan anggaran hasil hendaklah berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- i. Rekod pungutan hasil sebenar bagi tempoh dua (2) tahun lalu;
- ii. Perubahan-perubahan yang berlaku disebabkan perubahan dasar, peraturan, kadar kutipan dan kedudukan ekonomi semasa/dijangkakan; dan
- iii. Usaha-usaha dalam meningkatkan kutipan hasil semasa dan kutipan tunggakan yang dibuat oleh jabatan;

Penyediaan anggaran hasil bagi tahun 2023 hendaklah mengambil kira perkara-perkara tersebut dan mengikut format yang disediakan dalam Sistem iSPEKS Modul Bajet seperti di **Lampiran C**.

19. Pegawai Pengawal hendaklah meneliti dan menyemak cadangan bajet yang disediakan di peringkat jabatan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Kewangan Negeri melalui sistem iSPEKS Modul Bajet, di samping mengemukakannya dalam bentuk dokumen *hard copy* **sebelum atau pada 16 Mei 2022** seperti berikut:

- i. **tiga (3) salinan** Perjanjian Prestasi serta *soft copy* dalam bentuk CD atau *pendrive*. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan bahawa dokumen yang disampaikan itu dibuat dengan sempurna dan teratur di mana semua Borang ABM 1 hingga 7 telah dilengkапkan;
- ii. **tiga (3) salinan** *hard copy* cadangan anggaran Perbelanjaan Mengurus (**Lampiran A**) kepada Jabatan Kewangan Negeri;
- iii. **tiga (3) salinan** *hard copy* cadangan anggaran Perbelanjaan Pembangunan (**Lampiran B**) dan sesalinan kepada BPEN;
- iv. **tiga (3) salinan** *hard copy* cadangan Anggaran Hasil (**Lampiran C**) kepada Jabatan Kewangan Negeri.

20. Mulai **17 Mei 2022**, sekatan akan dikenakan ke atas sistem iSPEKS dan proses penyediaan cadangan bajet di peringkat jabatan akan dihentikan. Oleh itu adalah penting bagi Pegawai Pengawal menggunakan tempoh masa yang diberikan untuk merancang dan menyediakan anggaran keperluan dengan rapi dan teliti. Proses penyediaan bajet seterusnya adalah di peringkat Jabatan Kewangan Negeri.

Penutup

21. Pegawai Pengawal dikehendaki memastikan penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2023 seperti di perenggan 19 dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang **kemusykilan** atau **penjelasan lanjut** dalam penyediaan cadangan bajet Tahun 2023 bolehlah menghubungi Unit Belanjawan, Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHAMAD FARAZI BIN JOHARI)
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 3 Mac 2022

s.k.: YAB Ketua Menteri
Pulau Pinang.

YB Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang.